



**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

(1)

Kod Kursus : **GGGW8111**
Nama Kursus : **Kefahaman Pendidikan Tinggi**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib**
Sinopsis :

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas serta memupuk sikap yang diperlukan dalam kerjaya sebagai ahli akademik yang cemerlang. Antara aspek yang akan dibincangkan ialah kemahiran berkomunikasi yang berkesan, kaunseling, nilai dan etika, kerja berpasukan dan juga pemikiran kritis. Para peserta akan diajar secara teori dan praktikal setiap tajuk yang dibentangkan.

(2)

Kod Kursus : **GGGW8121**
Nama Kursus : **Hala Tuju Kerjaya Ahli Akademik**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib**
Sinopsis :

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas serta memupuk sikap yang diperlukan dalam kerjaya sebagai ahli akademik yang cemerlang dengan memberi fokus kepada kerja ahli akademik di institusi pengajian tinggi. Para peserta akan didedahkan dengan ciri-ciri ahli akademik yang profesional selaras dengan citra ahli akademik UKM yang berfokus kepada pengajaran, penyelidikan, pengembangan dan khidmat masyarakat. Aspek utama yang dibincangkan meliputi perkembangan kerjaya akademik, pengurusan kewangan, serta kefahaman hala tuju dan citra institusi.

(3)

Kod Kursus : **GGGW8131**
Nama Kursus : **Pengajaran dan Pembelajaran I**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib**
Sinopsis :

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas serta memupuk sikap yang diperlukan dalam kerjaya sebagai ahli akademik yang cemerlang dengan memberi fokus kepada aspek pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Peserta juga akan dibimbing untuk menjadi seorang penyelia yang berkesan agar dapat membantu pelajar di bawah penyeliaan masing-masing dengan efektif. Aspek pengajaran yang ditekankan meliputi psikologi pendidikan, pembangunan silibus, strategi pengajaran, kemahiran pengajaran mikro dan kemahiran penyeliaan pelajar.

(4)

Kod Kursus : **GGGW8141**
Nama Kursus : **Asas Penyelidikan dan Penerbitan**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib**
Sinopsis :

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas serta memupuk sikap yang diperlukan dalam kerjaya sebagai ahli akademik yang cemerlang dengan memberi fokus kepada aspek penyelidikan dan penerbitan. Penekanan akan diberikan untuk menjadi penyelidik yang baik dan mampu menerbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal berwasit. Pembinaan cadangan penyelidikan yang baik juga akan dibincangkan.

(5)

Kod Kursus : **GGGW8211**
Nama Kursus : **Asas Penyelidikan dan Penerbitan Pendidikan Tinggi**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib**
Sinopsis :

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kompetensi pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran berkesan melalui penyelidikan serta penerbitan. Fokus utama ialah kepada penyelidikan tindakan, pembidaan geran penyelidikan serta penerbitan hasil penyelidikan. Penyelidikan dan penerbitan akan ditumpukan kepada peringkat tinggi atau bertaraf antarabangsa.

(6)

Kod Kursus : **GGGW8221**
Nama Kursus : **Pengajaran dan Pembelajaran II**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib**
Sinopsis :

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kompetensi pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran berkesan melalui kurikulum dan pengurusan pengajian tinggi. Para peserta akan diajar melakukan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menjalankan penyelidikan berkaitan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang masing-masing yang meningkatkan keberkesanan dan tahap keserjanaan, serta berupaya melakukan inovasi dalam pembangunan kurikulum. Isu-isu terkini pengajian tinggi akan dibincangkan.

(7)

Kod Kursus : **GGGW8231**
Nama Kursus : **Pengurusan Kewangan Dan Perundingan**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib**
Sinopsis :

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kompetensi pensyarah dalam pengurusan kewangan universiti dan perundingan. Para peserta akan didedahkan dengan strategi perundingan berkesan sama ada dengan pihak kerajaan mahupun pihak swasta. Perundingan juga akan melibatkan dana kewangan universiti. Oleh itu kefahaman mengenai pengurusan kewangan universiti adalah penting dalam proses perundingan yang bakal dijalankan oleh ahli akademik.

(8)

Kod Kursus : **GGGW8241**
Nama Kursus : **Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan Tinggi**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib**
Sinopsis :

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kompetensi pensyarah melalui pembinaan sendiri serta berketerampilan dalam kepimpinan dan pengurusan. Kemahiran komunikasi antarabangsa juga akan ditekankan dalam kursus ini. Analisis syarahan tahunan NC akan digunakan sebagai asas kepada mencapai hala tuju universiti.

(9)

Kod Kursus : **GGGW8311**
Nama Kursus : **Kepimpinan Akademik**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib (Sarjana dan Kedoktoran)**
Sinopsis :

Matlamat kursus ini ialah memberikan kefahaman berkenaan kepimpinan akademik dan kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan. Para peserta akan diberikan ciri-ciri keserjanaan pengajaran-pembelajaran, tokoh dalam penyelidikan, pemimpin organisasi, menjadi mentor kepada pensyarah-pensyarah muda. Termasuk dalam kursus ini ialah menguruskan kewangan dalam kerangka autonomi universiti, penggubalan perancangan strategik dan perancangan institusi.

(10)

Kod Kursus : **GGGW8321**
Nama Kursus : **Penilaian dan Akreditasi Program**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib**
Sinopsis :

Matlamat kursus ini ialah memberikan kefahaman berkenaan keserjanaan dan kepimpinan akademik dari segi penilaian program akademik dan akreditasi. Termasuk dalam kursus ini ialah penilaian mengikut Coade of Practice for Program Accreditation dan kaedah-kaedah pengauditan.

(11)

Kod Kursus : **GGGW8331**
Nama Kursus : **Ketokohan Penyelidik**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib**
Sinopsis :

Matlamat kursus ini ialah memberikan kefahaman berkenaan ketokohan penyelidik dan cara-cara untuk mencapainya. Termasuk dalam kursus ini ialah perolehan geran penyelidikan antarabangsa, penyediaan serta penyampaian syarahan perdana dan berkomunikasi bertaraf antara bangsa.

(12)

Kod Kursus : **GGGW8341**
Nama Kursus : **Pengurusan Hasil Penyelidikan**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib**
Sinopsis :

Matlamat kursus ini ialah memberikan kefahaman berkenaan keserjanaan dan kepimpinan akademik dan cara-cara untuk mencapainya. Para peserta akan diberikan ciri-ciri keserjanaan pengajaran-pembelajaran, tokoh dalam penyelidikan, pemimpin organisasi, menjadi mentor kepada pensyarah-pensyarah muda. Termasuk dalam kursus ini ialah menguruskan kewangan dalam kerangka autonomi universiti, penggubalan perancangan strategik, pembinaan dan pengakreditan program akademik, pembinaan ketokohan melalui penulisan dalam jurnal-jurnal berimpak tinggi, perolehan geran penyelidikan antarabangsa, pengurusan hasil penyelidikan, pewasit kertas jurnal dan penyediaan serta penyampaian syarahan perdana.

(13)

Kod Kursus : **GGGW8411**
Nama Kursus : **Analisis Data Penyelidikan Kualitatif**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini akan memberi penekanan kepada reka bentuk penyelidikan kualitatif sebagai pilihan dalam penyelidikan. Para peserta akan diberi pendedahan dalam penggunaan perisian NVIVO bagi analisis data kualitatif. Strategi penyelidikan kualitatif juga akan dibincangkan.

(14)

Kod Kursus : **GGGW8421**
Nama Kursus : **Asas Audit Dalaman**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini membincangkan pengurusan Audit Dalaman. Antara objektifnya adalah pertama, memahami tujuan, skop, kandungan MS ISO 9001:2008 dan kegunaannya. Kedua, memahami cara-cara merancang, melaksana, menyedia laporan dan membuat tindakan susulan. Ketiga, memahami teknik-teknik dan keperluan asas melaksana Audit Dalaman. Keempat, memahami cara-cara menulis laporan ketidakpatuhan dan cara-cara membuat tindakan pembetulan dan susulan terhadap ketidakpatuhan. Kelima, Meningkatkan kualiti perkhidmatan sesebuah organisasi.

(15)

Kod Kursus : **GGGW8431**
Nama Kursus : **Pemantapan Penyelidikan dan Penerbitan**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini memberi penerangan berkaitan dengan penyelidikan dan penerbitan. Para peserta akan didedahkan berkaitan dengan jenis-jenis penyelidikan dan bentuk-bentuk penerbitan yang boleh dihasilkan. Para peserta juga akan didedahkan dengan sumber-sumber penyelidikan dan peluang-peluang untuk menerbitkan dalam pelbagai jurnal atau penerbitan yang berindeks serta mempunyai nilai impak yang tinggi. Strategi-strategi untuk mendapatkan dana dari luar UKM akan ditekankan. Peranan pensyarah dalam menentukan hala tuju UKM melalui penyelidikan dan penerbitan juga akan dibincangkan.

(16)

Kod Kursus : **GGGW8441**
Nama Kursus : **Kaedah Penyelidikan Kuantitatif**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini akan membincangkan reka bentuk kaedah penyelidikan kuantitatif kepada para peserta. Reka bentuk kajian kuantitatif dan keselarasannya dengan kaedah pengumpulan dan analisa data juga akan dibincangkan dalam kursus ini. Para peserta akan diajar penggunaan perisian SPSS dalam analisis data.

(17)

Kod Kursus : **GGGW8451**
Nama Kursus : **Pengenalan Kajian Tindakan**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan dengan konsep kajian tindakan yang boleh dijalankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Para peserta akan diajar kemahiran-kemahiran praktikal yang diperlukan bagi melakukan Penyelidikan Tindakan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Universiti. Selepas mengikuti kursus ini para peserta akan lebih berkeyakinan, berpengetahuan dan berkemahiran untuk melaksanakan Penyelidikan Tindakan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Universiti.

(18)

Kod Kursus : **GGGW8462**
Nama Kursus : **Kaunseling**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan para peserta kepada konsep-konsep asas bimbingan dan kaunseling. Kursus ini juga akan membincangkan kemahiran-kemahiran asas kaunseling yang boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta penyeliaan pelajar. Kemahiran asas kaunseling yang dipelajari boleh juga digunakan semasa pelaksanaan program mentor-mentee dan juga pengendalian aktiviti kumpulan kecil. Kemahiran asas dalam pengendalian kaunseling kelompok juga akan dibincangkan. Pendekatan kaunseling kelompok akan digunakan dalam aspek bimbingan dan pengendalian kerja berkumpulan serta sebagai mentor kepada pelajar dan rakan sekerja. Setiap tajuk akan dibincangkan secara konseptual dan diikuti dengan latihan kemahiran amali dan simulasi berkumpulan.

(19)

Kod Kursus : **GGGW8472**
Nama Kursus : **Kelestarian Pembelajaran Berkualiti di IPT**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang aspek-aspek penting berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif di peringkat pengajian tinggi. Para peserta akan didedahkan dengan strategi pengajaran dan pemantauan selaras dengan kurikulum yang telah dihasilkan. Peserta akan didedahkan keperluan aspek penilaian dan pelaksanaan pengajaran program yang perlu dilaksanakan selaras dengan kurikulum berasaskan hasil (OBE). Mekanisme pemberian maklum balas (*feedbacks*) akan turut ditekankan khususnya dalam memastikan kelompangan pengetahuan dan kemahiran yang telah dikenalpasti dalam sesuatu program atau kursus yang telah dijalankan.

(20)

Kod Kursus : **GGGW8481**
Nama Kursus : **Model Pengukuran**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini merupakan kursus asas kepada Rasch Model. Para peserta akan didedahkan dengan konsep asas CTT, Rasch dan IRT dalam pengukuran. Perisian Winstep adalah dijadikan sebagai asas kepada proses analisa data. Oleh itu kemahiran menggunakan perisian ini akan diberi perhatian secara individu sepanjang kursus. Para peserta dikehendaki menyediakan laporan ringkas berdasarkan data yang diberikan.

(21)

Kod Kursus : **GGGW8491**
Nama Kursus : **Pemantapan Audit Dalaman**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini bertujuan untuk memantapkan pemahaman dan kemahiran Juruaudit Dalaman dalam melaksanakan audit. Tumpuan kursus ini diberikan kepada teknik-teknik menulis, menjawab dan menangani NCR mengikut keperluan standard 2008.

(22)

Kod Kursus : **GGGW84a1**
Nama Kursus : **Pemodelan Persamaan Berstruktur**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Program ini direka bentuk sebagai pengenalan, bengkel gunaan dan berdasarkan pengalaman (hands-on) ke atas penggunaan *Structural Equation Modeling* (SEM) dalam penyelidikan. Para peserta akan menjalani latihan sebenar berdasarkan data-data yang digunakan dalam aplikasi program berbantuan komputer.

(23)

Kod Kursus : **GGGW84b1**
Nama Kursus : **Pengajaran dan Pembelajaran Secara Online**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini memberi pengetahuan asas mengenai e-pembelajaran dan peserta akan dilatih membangunkan kuliah/tutorial interaktif akses sendiri, item ujian secara online serta blog/forum serta melaksana. Di samping itu, kaedah pembelajaran kolaboratif dan koperatif serta pembelajaran berasaskan masalah secara online juga didedahkan kepada peserta.

(24)

Kod Kursus : **GGGW84c1**
Nama Kursus : **Kursus Penghayatan Sistem Pengurusan Kualiti mengikut standard MS ISO 9001:2008**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Menerusi kursus ini para peserta dapat memahami prinsip, matlamat dan amalan Sistem Pengurusan Kualiti mengikut standard MS ISO 9001:2008

(25)

Kod Kursus : **GGGW84d1**
Nama Kursus : **Pengurusan Stres**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini akan membincangkan konsep tekanan dalam kehidupan seharian manusia. Para peserta akan didedahkan dengan punca-punca stres dan kaedah menanganinya. Kursus ini adalah merupakan strategi untuk membina kehidupan manusia yang lebih sihat kesihatan mentalnya. Antara perkara yang dibincangkan dalam kursus ini adalah seperti definisi tekanan, cara menangani tekanan, faktor tekanan dan profil individu.

(26)

Kod Kursus : **GGGW84e1**
Nama Kursus : **Penulisan Makalah Jurnal Berimpak & Berindeks**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini adalah kursus yang memberi kemahiran kepada para peserta berkaitan dengan strategi penerbitan dalam jurnal berindeks. Para peserta akan didedahkan dengan jenis-jenis output penyelidikan dan kepentingannya dalam meningkatkan kecemerlangan UKM sebagai sebuah universiti penyelidikan. Para peserta dikehendaki menghantar makalah untuk diterbitkan dalam jurnal berimpak dan berindeks setelah selesai menjalani kursus ini.

(27)

Kod Kursus : **GGGW84f1**
Nama Kursus : **Penyediaan Soalan**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini akan membincangkan kaedah yang sesuai dalam penyediaan sesuatu soalan peperiksaan. Para peserta akan didedahkan dengan teori dan amalan dalam pengukuran dan penilaian. Konsep-konsep asas ini meliputi Aras Kemahiran Kognitif, Perancangan dan Pembinaan Soalan, Analisis Soalan Peperiksaan, Skema Pemarkahan, Analisis Item Ujian dan Analisis Markah. Para peserta dikehendaki menyediakan contoh soalan di akhir kursus ini.

(28)

Kod Kursus : **GGGW84g1**
Nama Kursus : **Pembangunan E-Kandungan**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini memberi pengetahuan asas mengenai penggunaan SPIN yang merupakan portal sistem pengurusan pembelajaran rasmi UKM. Peserta akan dilatih membangunkan sendiri bahan kuliah interaktif seperti nota kuliah, kuiz dan forum secara atas talian dengan menggunakan perisian Camtasia Studio.

(29)

Kod Kursus : **GGGW84h1**
Nama Kursus : **Strategi Mentoran Berkesan**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan konsep mentor mentee agar ia dapat diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Para peserta akan diajar berkaitan dengan makna mentoran dan kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan dalam mengendalikan sistem mentoran ini. Kemahiran asas kaunseling dan kemahiran berkomunikasi akan ditekankan sebagai asas kepada sistem mentor-mentee. Strategi dalam menjalin hubungan yang positif dengan para pelajar sebagai mentee akan dibincangkan

(30)

Kod Kursus : **GGGW84i1**
Nama Kursus : **Teknik Menjawab NCR**
Taraf Kursus : **Kursus Elektif**
Sinopsis :

Kursus ini menumpu kepada perihal ketidakpatuhan terhadap pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti mengikut piawai MS ISO 9001:2008 khususnya bagaimana dan punca ia berlaku. Seterusnya pelajar akan didedahkan dengan pendekatan 5W dan 1H supaya dapat diamalkan. Pendekatan ini penting bagi memastikan ketidakpatuhan dapat dibaiki dan tidak berulang di tempat lain dan pada masa akan datang.

(31)

Kod Kursus : **GGGW84j2**
Nama Kursus : **Pengajaran dan Pembelajaran di IPT**
Taraf Kursus : **Kursus elektif**
Sinopsis :

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas dalam pengajaran dan pembelajaran. Peserta didedahkan dengan tren pengajaran terkini yang boleh membantu ahli akademik memantapkan mutu pengajaran masing-masing. Aspek pengajaran yang ditekankan meliputi pendedahan mengenai pelbagai teori pembelajaran seperti konsep-konsep asas motivasi, psikologi pendidikan, motivasi pembelajaran dewasa, konsep pengajaran dan pembelajaran yang efektif, memperkenalkan gaya pengajaran dan pembelajaran, pengajaran kolaboratif dan kerja berkumpulan, konsep komunikasi lisan dan bukan lisan yang berkesan, penggunaan multimedia, membincangkan domain-domain pengajaran dan pembelajaran dalam konteks pengajian tinggi, strategi penyediaan soalan yang baik, prinsip-prinsip pengajaran berkesan, asas-asas perancangan pengajaran, penyediaan bahan-bahan pengajaran dan persediaan pengajaran mikro. Di akhir kursus akan dinilai melalui pengajaran mikro

(32)

Kod Kursus : **GGGW8516**
Nama Kursus : **Kajian Tindakan**
Taraf Kursus : **Kursus Wajib**
Sinopsis :

Kursus ini melibatkan peserta menjalankan penyelidikan tinggi dalam konteks pembangunan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran dan pengurusan akademik, pengurusan penyelidikan dan inovasi, jaminan kualiti, kepimpinan akademik, perancangan strategik, pengkomersilan hasil penyelidikan serta latihan dan perkembangan akademik di peringkat pengajian tinggi. Peserta juga akan membentangkan hasil kajian dalam satu seminar dan dikehendaki menghasilkan satu artikel berkaitan kajian yang telah dilaksanakan dalam jurnal berwasit.